

Kod Modul	AB-1401			
Judul Modul	Linguistik dan Kesusasteraan			
Jenis Modul:	Umum (Breadth)			
Kredit Modul: 4	Beban Tugas Pelajar:	8 jam seminggu		
	Waktu Perjumpaan:	2 jam seminggu		
Prasyarat	Tiada			
Larangsyarat	Tiada			
Tujuan/Objektif/Rasional:				
Memahami penerapan stilistik dalam penulisan karya-karya kesusasteraan dan di samping itu dapat pula menerapkannya dalam ayat-ayat yang digunakan dalam bahasa kesusasteraan termasuk bahasa puitika.				
Kandungan Modul:				
Membincangkan seni bahasa dan keautonomiannya melakukan deviasi bahasa bagi tujuan estetika. Analisis stilistik didasarkan kepada teori <i>foregrounding</i> yang diperkenalkan oleh Mukarovsky. Keindahan stilistik pada aras-aras fonetik, tatabahasa, dan semantik diberi perhatian dari sudut semantik dan hubungannya dengan sifat-sifat afektif manusia. Membincangkan bahasa kesusasteraan sebagai medium yang menyalurkan kreativiti berbahasa dengan cara memanipulasikan gaya-gaya bahasa yang mempesonakan daya imaginasi para khalayak atau pembaca dan di samping itu memenuhi citarasa estetika iaitu apabila representasi fonetik dimanipulasikan untuk tujuan keindahan pengucapan.				
Penilaian	Peperiksaan: (2 jam)	50%	Kerja Kursus: Satu Esei (20%) Dua Ujian 20% (10% x 2) Penglibatan dalam kelas tutorial (10%)	50%
Bahan Rujukan:				
Enkvist, N. E. (1973). <i>Linguistic stylistics</i> . The Hague: Mouton.				
Fowler, R. (1986). <i>Linguistic criticism</i> . Oxford: Oxford University Press.				
Keris Mas. (1988). <i>Perbincangan gaya bahasa sastra</i> . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.				
Umar Junus. (1989). <i>Stilistik: satu penghantar</i> . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.				
Widdowson, H. G. (1992). <i>Practical stylistics</i> . Oxford: Oxford University Press.				